

10 FEB 1997

PESERTA LE TOUR DE LANGKAWI KUNJUNGI DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 10 Feb (Bernama) -- Dua puluh pelumba basikal luar negeri yang akan menyertai kejohanan Le Tour de Langkawi mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Sri Perdana hari ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya kepada beliau dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Pelumba- pelumba dari Finland, Norway dan Denmark merupakan kumpulan pertama peserta yang tiba di sini.

Mereka adalah antara 150 peserta dari Eropah, Afrika, Amerika dan Asia yang akan menunjukkan aksi dan kebolehan mereka pada kejohanan yang menawarkan hadiah wang tunai RM1juta.

Jurucakap penganjur, Keith Sergeant, yang mengiringi pelumba- pelumba itu ke kediaman rasmi Perdana Menteri, berkata 25 pasukan akan menyertai jelajah sejauh 1,613km yang meliputi 13 negeri.

Perlumbaan itu akan bermula di Kota Kinabalu pada 19 Feb.

Antara acara menarik jelajah itu ialah karnival belon udara panas semasa perlumbaan peringkat Kuching dan Kuantan, masing - masing pada 20 dan 26 Feb.

-- BERNAMA

ES AR